

# Atlet Para Sabah antara bergraduati di UMS

UB 01.04.2022 P.08

Oleh Vivi Olivia Najurus

**KOTA KINABALU:** Seorang atlet Para Badminton Sabah antara 4,728 graduan yang menerima segulung ijazah pada Majlis Konvokesyen UMS ke-22.

Mohd Nasrun Mahadi, 27, graduan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Ekonomi Sumber Manusia), Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP) hadir ditemani kedua-dua orang tuanya berkata kekurangan yang ada pada dirinya tidak menjadi penghalang kejayaannya memperoleh ijazah terbabit.

“Walaupun saya mempunyai kekurangan diri, saya mahu buktikan kepada orang lain bahawa masalah tersebut tidak menghalang saya untuk berjaya.


“Sebenarnya, tempurung lutut sebelah kiri saya tidak membesar secara normal sejak berumur enam tahun lagi.

“Malah saya baru sahaja kembali dari Kejohanan Para Badminton Sirkuit Kebangsaan di Kuala Lumpur, sehari sebelum giliran graduan fakulti FPEP diraikan dipentas konvokesyen,” katanya semasa ditemui pada sidang empat, Majlis Konvokesyen UMS Dewan Canselor di sini.

Anak kelahiran Semporna itu berkata beliau juga akan mewakili Sabah ke kejohanan Para Sukan Malaysia (SUKMA) pada penghujung tahun ini.

“Saya berharap, rakan-rakan kelainan upaya (OKU) di luar sana terus positif dan tidak berputusa asa dalam usaha mencapai impian yang ingin dikecapi,” katanya.

Pada ketika ini, Nasrun yang juga anak ketiga daripada empat adik-beradik turut membuat kerja sambilan sebagai pemandu kenderaan e-hailing di sekitar bandar raya Kota Kinabalu.



NASRUN